

Pasukan Sabah ungguli Kejohanan Tarik Tali Terbuka Borneo UMSKAL

GL Oh DE 23.11.2016 8

KOTA KINABALU: Pasukan Sabah memenangi dua tempat teratas dalam Kejohanan Tarik Tali Terbuka Borneo UMSKAL di Labuan pada hujung minggu lalu.

Newborn Sabah merangkul gelaran itu selepas mengungguli kumpulan yang menampilkan sembilan pasukan dengan KBS Sabah di tempat kedua sementara tempat ketiga ialah Satu KAL, UMSKAL dari Labuan.

Acara itu diadakan sempena dengan sambutan tahunan Tamu Gadang di Labuan.

Sementara itu, kursus pengadilan Persekutuan Tarik Tali (TWIF) telah dijalankan oleh Presiden Persatuan Tarik Tali Malaysia Zolkifli Ahmat dan Major Aziz, yang merupakan pengarah teknikal dan pengadil sebelum pertandingan itu di Universiti Malaysia Sabah Kampus Labuan.